

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan Program dan Latihan Khusus yang disediakan bagi golongan usahawan di kawasan luar bandar agar terus berdaya saing dalam bidang keusahawanan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

MARA mempunyai program dan latihan keusahawanan yang terangkum dalam pembangunan usahawan. Program dan latihan yang di tawarkan kepada usahawan bumiputera ini meliputi golongan-golongan usahawan bandar dan luar bandar dan tidak memberi fokus kepada kawasan tertentu.

Program Latihan Keusahawanan MARA meliputi kursus, latihan, seminar, bengkel bagi input pendedahan, pengetahuan dan kemahiran di tahap pembudayaan keusahawanan, pewujudan usahawan serta peningkatan dan pengukuhan dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan (NGO).

Antara program yang dijalankan seperti:

- (i) Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA;
- (ii) Program Usahawan Teknologi Lanjutan;
- (iii) Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan; dan
- (iv) Program Pecutan Usahawan Baru.

Bagi meningkat kapasiti dan membantu mengukuhkan penjenamaan perniagaan pula, MARA turut melaksanakan Program-Program Latihan Khas dengan memberi panduan dalam pembangunan SOP perniagaan atas jenama khas seperti program MARA in Fashion (MiF), Program Pembangunan Perniagaan Bidang Kesihatan dan Kecantikan (BISS), Pembangunan Usahawan Resort (PURE), AORA Spa dan Hit Barber serta beberapa lagi program khas lain seperti Gate to Global.

Setakat 30 September 2020, MARA telah berjaya melatih lebih daripada 6,700 usahawan di bawah program-program yang telah dirancang.